

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

GEOGRAFI

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Jawab empat soalan semuanya, dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
2. *Markah akan diberi bagi peta dan gambar rajah yang sesuai.*
3. *Peta yang diberi dalam kertas soalan ini, jika digunakan hendaklah diceraikan daripada kertas soalan ini dan diikat bersama-sama kertas jawapan yang lain.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A

(Malaysia)

Jawab dua soalan daripada bahagian ini

1. (a) Nyatakan jenis-jenis tindakan hakisan sungai. (4 markah)
 - (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kadar hakisan sungai. (5 markah)
 - (c) Jelaskan bagaimana aktiviti manusia menjejaskan keseimbangan aktiviti sungai. (6 markah)
 - (d) Huraikan kepentingan bentuk fizikal di kawasan pinggir pantai kepada manusia. (5 markah)
 - (e) Huraikan langkah-langkah bagi mengurangkan masalah hakisan ombak di pinggir pantai. (5 markah)
2. (a) Di atas Peta No. 1 (Malaysia), namakan:
 - i. pulau yang bertanda P1 dan P2
 - ii. sungai yang bertanda S1
 - iii. laut yang bertanda L1 dan L2(5 markah)
 - (b) Huraikan kepentingan sungai kepada kawasan sekitarnya. (8 markah)
 - (c) Bincangkan sebab-sebab mengapa sungai tercemar? (7 markah)
 - (d) Jelaskan kesan-kesan pencemaran sungai kepada manusia. (5 markah)

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Stesen P °C	27	27	28	28	27	27	27	27	26	26	26	26
Stesen Q °C	19	19	20	20	19	19	19	19	18	18	18	18

Suhu Tahunan Stesen P dan Q

3. (a) Dengan menggunakan skala 1 cm mewakili 2 °C, lukiskan sebuah graf untuk menunjukkan suhu tahunan Stesen P dan Q dalam jadual di atas. (10 markah)
- (b) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi suhu. (5 markah)
- (c) Tuliskan ciri-ciri dan fungsi Alat Pelindung Stevenson. (5 markah)
- (d) Terangkan kejadian bayu laut dan bayu darat. (5 markah)

- 4 (a) Bagaimanakah manusia meneroka hutan untuk kepentingan mereka (8 markah)
- (b) Penerokaan sumber hutan secara besar-besaran menjejaskan kualiti alam sekitar. Nyatakan usaha yang boleh diambil untuk mengekalkan sumber hutan. (8 markah)
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil di negara kita Malaysia supaya sumber hidupan liar tidak pupus (9 markah)

Bahagian B

(Malaysia dan Negara Luar)

Jawab dua soalan daripada bahagian ini

5. (a) Nyatakan jenis-jenis luluhawa mekanika (5 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tindakan luluhawa kimia (5 markah)
- (c) Jelaskan kepentingan luluhawa kepada manusia (5 markah)
- (d) Huraikan kesan-kesan pergerakan jisim kepada kawasan sekitarnya (5 markah)
- (e) Bincangkan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi pergerakan jisim (5 markah)
6. (a) i. Pada tahun 1996, negara kita mengalami masalah jerebu yang serius. Mengapakah berlakunya pencemaran udara sedemikian (5 markah)
- ii. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah pencemaran udara (5 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana hujan asid berlaku (5 markah)
- (c) Berikan faktor-faktor yang membawa kepada keadaan 'Pulau Haba' di bandar-bandar besar berlaku. (5 markah)
- (e) Lapisan ozon dalam stratosfera semakin terhakis. Nyatakan kesan-kesan akibat daripada penipisan lapisan ozon (5 markah)

[Lihat sebelah

7. (a) Nyatakan komponen ekosistem (5 markah)
- (b) Apakah komponen biotik dalam ekosistem hutan hujan tropika (5 markah)
- (c) Tuliskan rencana tentang aliran tenaga dalam rantai makanan (5 markah)
- (d) Jelaskan kesan kegiatan manusia terhadap keseimbangan ekosistem (5 markah)
- (f) Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengékalakan keseimbangan ekosistem (5 markah)
8. (a) Di atas peta No 2 (Dunia), namakan jenis-jenis hutan yang bertanda A, B, C, D dan E (5 markah)



- (b) Dengan merujuk gambar di atas, huraikan ciri-ciri hutan tersebut (5 markah)
- (c) Nyatakan kepentingan hutan hujan khatulistiwa (6 markah)
- (d) Terangkan masalah alam sekitar yang mungkin timbul kesan daripada aktiviti penebangan secara besar-besaran (9 markah)


KERTAS SOALAN TAMAT

Nama : Tingkatan :

No. Kad Pengenalan : Angka Giliran :

PERCUBAAN SPM GEOGRAFI 2

Peta No. I untuk Soalan No. 2 2002
(Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)



Malaysia


Pulau		Sungai		Laut	
P1		S1		L1	
P2				L2	

Nama:..... Tingkatan:.....

No. Kad Pengenalan:..... Angka Giliran:.....

PERCUBAAN SPM GEOGRAFI 2

Peta No. 2 untuk soalan No. 8, 2002
(Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)



DUNIA

A		C		E	
B		D			